

# KATEGORI KOSONG PRO YANG BERFUNGSI FRASA NAMA

*Mashudi Kader*

## **Abstrak**

Dalam pola ayat Melayu yang standard, subjek terdiri daripada frasa nama., Namun dalam sesetengah kes, ayat tidak dimulai dengan frasa nama, tetapi konstituen ayat bergelar kategori kosong pro. Makalah ini menganalisis pola ayat Melayu yang tidak menepati model Chomsky; Model Teori Pindaan Standard dan Model Teori Kuasaan dan Tambatan. Memandangkan pola sedemikian terdapat dalam beberapa banyak karya Melayu klasik, maka tatabahasa Melayu harus melihat bahawa struktur ayat Melayu tidak semestinya terikat pada model Barat.

## **Abstract**

*Malay sentences normally consist of subjects that are the phrasal nouns. In certain cases however, Malay sentences begin with constituent called prozero category. This article looks into the structure of Malay sentences that are not conform with the Chomskyeen models; REST and the Theory of Government and Binding. Since such patterns are common in the classical Malay texts, the Malay grammar is not necessarily conform with the western models.*

Makalah ini akan mengutarakan bahawa dalam ayat (1) hingga (5) di bawah tiada konstituen yang layak menjadi frasa nama (FN atau N') subjek. Sebaliknya N' subjeknya ialah satu kategori kosong pro yang tidak perlu apa-apa leksikal pada struktur-S, yakni tidak ada manifestasi fonetik.

1. Sudah ada seekor ular di dalam lubang itu. (ayat kehadiran)
2. Sedang hujan lebat sekarang. (ayat cuaca)
3. Memang benar bahawa Ali itu kaya. (ayat adjektif)

4. Agaknya Amin terlupa. (ayat berkomplesmen agakny)
5. Kelihatannya wanita itu sudah hamil. ( ? )

Ertinya, konstituen berikut dalam (1) hingga (5) di atas bukan dan tidak berstatus FN subjek:

- Seekor ular
- Hujan
- Bahawa Ali itu kaya
- Amin
- Wanita itu.

(Sebagai asas perbincangan digunakan Model Teori Pindaan Standard Tambahan (REST), Chomsky (1976) dan beberapa aspek Model Teori Kuasaan dan Tambatan (Theory of Government and Binding), Chomsky (1982).

Yang cuba dikemukakan ialah bahawa ayat tersebut tidak mempunyai frasa nama N' subjek yang ketara atau kata benda sebagai subjeknya. Sebaliknya, yang hadir dan ketara dalam ayat tersebut hanyalah bahagian predikatnya atau ceritanya semata-mata manakala dalam slot N' subjek ialah kategori kosong pro yang tidak ada bentuk fonetiknya. Kalau hal ini benar, maka tentu ada kesannya terhadap:

- (i) Prinsip Predikasi Chomsky (1982) yang memerlukan semua klausa mestilah bersubjek;
- (ii) Penulisan tatabahasa bahasa Melayu serta pengajaran bahasa Melayu.

Ternyata pendapat di atas kurang selaras dan tidak sesuai dengan pendapat yang lebih lumrah seperti yang tercatat pada Za'ba (1959), Payne (1970), Asmah dan Subbiah (1968), Asraf (1990), Nik Safiah *et al.*, (1986), Sanat (1985) dan beberapa yang lain. Dalam terbitan tersebut dinyatakan sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa satu ayat lengkap dalam bahasa Melayu perlu mempunyai dua bahagian (komponen) yakni benda dan cerita (biasa juga disebut subjek dan predikat). Berikut petikan yang berkaitan:

“Setelah ada ‘Benda’ dan ‘Cherita’ ini baru-lah boleh jadi ayat, dan baharu-lah cakap itu memberi pengertian yang chukup maksudnya ... Jadi nyata-lah apabila hendak bercakap atau membuat ayat maka pertama-tama hendak-lah ada sa-suatu ‘benda’ yang hendak di-

chakapkan hal-nya; kedua hendak-lah ada sa-suatu hal atau ‘cerita’ yang hendak di-katakan fasal ‘benda’ itu.”

(Za‘ba, 1959, 1)

“There are three sentence structures in Malay which are N n, N<sub>1</sub>A, N<sub>1</sub>V”

(N ialah subjek).

(Asmah dan Subbiah, 1968, 1)

“Ayat tunggal ialah ayat yang terbina daripada dua bahagian, iaitu subjek dan predikat. Subjek ialah bahagian ayat yang diterangkan, dan predikat ialah bahagian ayat yang menerangkan subjek.”

(Nik Safiah *et al.*, 1986, 65–66)

“Ayat terdiri daripada dua bahagian atau konstituen, iaitu konstituen subjek dan konstituen predikat.”

(Nik Safiah, 1988)

“Ayat ialah suatu bentuk bahasa yang terjadi dengan adanya sekumpulan kata yang tersusun dalam dua bahagian, iaitu subjek dan predikat.”

(Asraf, 1989, 163)

“Rumus (i) A<sub>1</sub> —> < .... >”

FN FP

(Sanat, 1985, 12)


“... kalimat nyata benar terjadi dari beberapa bagian yang tetap dan selalu kembali. Kata-katanya boleh diganti dengan kata-kata lain, tetapi jabatan-jabatan itu selalu ada.... Jabatan kata-kata yang sebelah kiri itu dinamakan orang subjek atau pokok, yang sebelah kanan predikat atau sebutan.... yang disebut subjek dalam sesuatu kalimat itu ialah sesuatu yang dianggap berdiri sendiri, dan yang tentangnya diberi sesuatu. Bagian predikat ialah bagian yang memberi keterangan tentang sesuatu yang berdiri sendiri atau subjek itu.”

(Alisjahbana, 1964, 61–63)

Oleh sebab ada catatan tersebut, maka diperlukan penyelesaian dan penjelasan bagi kedudukan ayat (1) – (5) yang FNnya tidak dapat berfungsi sebagai subjek. Dengan demikian, diajak peminat bahasa Melayu untuk meninjau semula kedudukan ayat tersebut dalam tatabahasa bahasa Melayu. Yang dirujuk di sini ialah kedudukannya sebagai ayat lengkap dan bukan

ayat fonologi (yakni bukan ayat intonasi, ayat minor, ayat retorika dan seumpamanya).

Menurut penelitian, ayat (1) hingga (5) tidak mempunyai frasa nama (N') subjek yang ketara. Sebaliknya, N' subjeknya ialah kategori kosong pro. Struktur bagi ayat (1) hingga (5) adalah seperti pada (1') hingga (5'); dan ayat terbitannya adalah seperti (1') hingga (5'); dan ayat terbitannya adalah seperti (1'') hingga (5''). Bagi ayat (1) hingga (5), N' subjek ialah kategori kosong pro. Dengan demikian "missing subject"-nya ialah pro. Rajah pohon tidak menggunakan X' sepenuhnya (X bar) untuk memudahkan rujukan; sebaliknya campuran kategori frasa yang tradisional seperti KJ, N, dan KD digunakan.



- I' (ayat)
- I' (predikat)
- KJ' (frasa kerja)
- KJ (kerja)
- N' (frasa namaan)
- N (namaan)
- KD' (frasa kata depan)
- pro (pronomina) = satu elemen/konstituen mujarad yang tidak ada apa-apa leksikal dan tiada manifestasi fizikal/fonetik
- spec (specifier)


- (1') Sudah ada seekor ular di dalam lubang itu.  
 (1'') di dalam lubang itu pro sudah ada seekor ular.  
 (Konstituen di dalam lubang itu telah dipindahkan ke hadapan. Kategori kosong pro tidak ada manifestasi leksikal; lantas lahirlah (1''')):  
 (1''') Di dalam lubang itu sudah ada seekor ular.  
 (Di sini pro sedikit berbeza dengan pro sebagai "missing subject" dalam bahasa berfleksi seperti Arab, Rusia dan lain-lain, kerana dalam bahasa tersebut pro menggantikan frasa nama subjek yang sedia difahami hadir daripada bentuk fleksi pada morfologi kata kerjanya, misalnya:

pro yadhabu ilal-kuliah (Arab)  
 Dia (lelaki) pergi ke kuliah  
 Pro idyot damoi (Rusia)  
 Dia pergi balik rumah

Walaupun hanya disebut yadhabu (Arab) dan idyot (Rusia) sahaja tanpa menyebut subjeknya, telah jelas daripada morfologi kata kerja bahawa yang pergi ialah dia. Sebaliknya, dalam bahasa Melayu, pro hanya menunjukkan "missing subject" tanpa apa-apa isyarat pada morfologi kata kerjanya seperti ada dalam (1).

Bagi ayat (2), strukturnya ialah seperti (2'), manakala variasi terbitannya ialah (2''):

- (2') Sedang hujan lebat sekarang.



ADB' (frasa adverbial)  
 ADB (adverba)"  
 I (frasa kata bantu)


(2'') Sekarang pro sedang hujan lebat.

(sekarang telah dipindahkan ke hadapan. Kategori kosong pro tidak ada manifestasi fonetik; lantas lahirlah (2''')):

(2''') Sekarang sedang hujan lebat.

Bagi ayat (3) strukturnya ialah (3'), manakala variasinya ialah (3'');

(3') Memang benar bahawa Ali itu kaya.



(3'') Bahawa Ali itu kaya pro memang benar.

(Komplemen telah dipindahkan ke hadapan. Kategori kosong pro tidak diberi apa-apa elemen leksikal; yakni tidak ada manifestasi fonetik dan lahirlah (3''')):

(3''') Bahawa Ali itu kaya – memang benar.

Bagi ayat (5), strukturnya ialah seperti dalam (5') manakala variasi terbitannya ialah ayat (5'');


(5') Kelihatannya wanita itu sudah hamil.

(5'') Wanita itu sudah hamil pro kelihatannya.

(komplemen wanita itu sudah hamil dipindahkan ke hadapan. Kategori kosong pro tidak diberi apa-apa elemen leksikal; yakni tidak ada manifestasi fonetik sehingga melahirkan (5''')):

(5''') Wanita itu sudah hamil – kelihatannya.


Untuk menunjukkan bahawa anggapan ini betul, terlebih dahulu akan ditinjau ciri-ciri subjek dalam bahasa Melayu, kemudian meneliti sejauh mana ciri-ciri itu dipenuhi atau tidak dipenuhi




oleh frasa nama yang terdapat dalam ayat (1) hingga (5).

Pertama, Chomsky (1965) menerangkan bahawa frasa nama subjek dalam sesuatu ayat ialah FN yang dinaungi oleh A (ayat), yakni A yang tertinggi sekali seperti dalam (6a) ataupun A yang terpancang dalam ayat pancangan seperti dalam (6b);

(6) a)



b)



Yakni, kategori frasa nama = FN ialah tempat terletak subjek. Begitu juga halnya dalam bahasa Melayu, subjek mestilah satu frasa nama yang dapat menduduki posisi seperti pada (6a – 6b).

Kedua, frasa nama subjek dalam bahasa Melayu tidak boleh ditanyai (yakni tidak boleh ditandai partikel kah) dan tidak boleh dianggap sebagai satu konstituen fokus atau mendapat penekanan, yakni tidak boleh ditandai partikel lah. Hal ini benar pada frasa nama dalam ayat simpleks, kompleks atau setara; yakni suatu frasa nama berbentuk X +{kah} pada posisi subjek dan dengan tujuan berfungsi sebagai subjek {lah} akan menyebabkan ayat itu tidak gramatis.

Untuk meyakinkan bahawa yang disebut di atas itu benar, sila lihat contoh (7a-c);

- (7) (a) \*Aminlah minum air tebu tadi. (\*rentetan tidak gramatis)  
 (b) [Aminlah] [yang minum air tebu tadi]. (gramatis)  
 FPred.  
 (c) (i) \*Aminlah dan Aminahlah (tidak gramatis)  
 minum air tebu tadi.  
 (ii) [Aminlah dan Aminahlah] (gramatis)  
 [yang minum air tebu tadi]

Dalam (7a), konstituen Aminlah ialah frasa nama subjek. Banding-kannya dengan Aminlah dalam (7b); di sini, konstituen Aminlah ialah frasa nama pada frasa predikat (FPred). Sebaliknya, frasa nama subjeknya dalam ayat (7b) itu ialah konstituen frasa nama kompleks yang minum air tebu tadi. Dalam (7 ci) pula Aminlah dan Aminahlah ialah konstituen subjek yang diberi tumpuan. Akibatnya (7ci) tidak gramatis. Bandingkan (7cii) dengannya; di sini frasa nama subjeknya ialah konstituen yang minum air tebu tadi; iaitu konstituen yang tidak diberi tumpuan -lah.

Contoh lain yang bertingkah laku seperti contoh pada ayat (7a-b) ialah (8i) hingga (8ii); (yang bergaris ialah frasa nama subjek).

- (8) (i) (a) \*Buku itulah tebal.  
 (b) Buku itulah [yang tebal]. (rentetan terbitan)  
 [yang tebal] buku itulah. (rentetan asal)  
 [Dalam (b), frasa nama subjek ialah yang tebal].  
 (ii) (a) \*Halimlah sudah pergi kelmarin.  
 (b) Halimlah [yang sudah pergi kelmarin].



- (rentetan terbitan)  
[yang sudah pergi kelmarin] Halimlah.
- (rentetan asal)  
[Dalam (b), frasa nama subjeknya ialah yang sudah pergi kelmarin].


Contoh (8) juga terdapat dalam ayat tanya seperti pada (9) dan (10):

- (9) (a) \*Alikah sudah makan nasi?  
 (b) Alikah (yang sudah minum susu?)  
 (Yang sudah minum susu] Ali?) - dengan intonasi menaik  
 [Dalam (b), frasa nama subjeknya ialah yang sudah minum susu].
- (10) (a) (i) \*Azizkah tidur di sana?  
 (ii) \*Azizlah tidur di sana.  
 (b) (i) Azizkah (yang tidur di sana)?  
 (ii) Azizlah (yang tidur di sana).

Mungkin timbul soalan tentang kedudukan frasa nama apabila frasa nama hadir atau berfungsi sebagai objek. Frasa nama dinaungi oleh frasa kerja KJ' seperti dalam (11b); yakni air tebu itu ialah frasa nama objek.

- (11) (a) Amin sedang minum (air tebu itu) tadi.

(b)



Ketiga, hanya Frasa Nama Subjek yang wujud pada awal ayat yang boleh diikuti oleh 'pun' (partikel juga, tekanan). Frasa nama di tempat lain, misalnya sebagai frasa nama objek tidak boleh.

Perkara ini dapat diyakinkan oleh contoh (12) dan (13):

- (12) (a) Abupun pergilah.  
[Abu sebagai frasa nama subjek boleh diikuti (pun)].  
(b) Yang membaca buku pun Ali juga.  
(Frasa nama subjek diikuti pun).

Apabila frasa nama berfungsi sebagai frasa nama objek, maka tidak boleh diikuti oleh pun; (yang bergaris ialah frasa nama objek):

- (13) (a) \*Aminah makan kedondong pun tadi.  
(b) \*Dia membaca buku pun di sana.  
(c) \*Dia membaca [buku yang tebal pun] di sana.

Keempat, hanya frasa nama subjek yang dapat mengalami pengrelatifan.

Maksudnya, apabila frasa nama berfungsi sebagai frasa nama subjek, barulah frasa nama tersebut dapat direlatifkan atau diikuti oleh ayat subordinat atau pancangan. Lihat frasa nama pada posisi subjek dalam contoh (14); Frasa nama yang dalam huruf condong ialah subjek ayat pancangan:

- (14) (a) Kucing (yang bunting) itu mahu beranak.  
(b) Kucing (kucing itu bunting) itu mahu beranak.

Setelah berlaku pengrelatifan, rentetan (b) menjadi ayat (a). Dalam pengrelatifan itu, yang direlatifkan ialah frasa nama subjek yang dalam huruf condong dalam (14b), yakni kucing itu.

Sebaliknya, apabila sesuatu frasa nama hadir pada posisi objek, maka frasa nama pada posisi itu perlu dipasifkan terlebih dahulu supaya berada pada posisi subjek, lantas baru boleh direlatifkan. Lihat contoh pada (15):

- (15) (a) Dia makan jambu (yang saya beli tadi).  
(yang saya beli tadi ialah ayat pancangan relatif).  
(b) Dia makan jambu (jambu saya beli tadi).  
(jambu hadir pada posisi subjek setelah mengalami pempasifan).  
(c) Dia makan jambu (saya membeli jambu).  
(sewaktu frasa nama jambu hadir sebagai objek, dan tidak boleh mengalami pengrelatifan).

Kelima, daripada segi perspektif ayat fungsian – pendekatan aliran Praha tentang penyebaran maklumat lama (+ definit dan tentu) dan baru, yakni yang dikemukakan kepada pendengar – Frasa nama subjek mestilah sesuatu entiti atau konstituen yang (yakni tentu) daripada segi maklumat yang terkandung di dalamnya. Dalam bahasa Melayu, kepastian ini diselenggarakan oleh kata petunjuk itu/ini, klausa (ayat) relatif, kebiasaan atau pengalaman bersama dan bersifat sejagat.

Perkara ini dapat diyakinkan daripada contoh dalam (16):

- (16) (a) Saya ada seekor kucing. Kucing itu bernama tompok.  
[+DEF]  
(frasa kucing itu bersifat pasti kerana hadirnya kata diktik atau penunjuk itu).
- (b) Matahari terbit di timur.  
[+DEF]  
(Matahari bersifat tentu daripada pengalaman); iaitu semua orang sedia tahu sebab hanya ada satu sahaja matahari.
- (c) Gajah ada belalai.  
[+DEF]  
(Kata gajah bersifat tentu daripada kesejagatan); bagi mereka yang tahu gajah, mereka tahu semua gajah mempunyai belalai. Jika mereka tidak tahu apa itu gajah, mereka akan bertanya tentangnya dahulu sebelum ayat ini dapat diterima.
- (d) Pelajar yang memakai mini telekung itu sedang sakit.  
[+DEF]  
(kata relatif yang memberi makna khusus/tentu kepada kata pelajar).

Berdasarkan kelima-lima ciri subjek di atas, merujuk kepada ayat (1) hingga (5),

- (1) Sudah ada seekor ular di dalam lubang itu.
- (2) Sedang hujan lebat sekarang.
- (3) Memang benar bahawa Ali itu kaya.
- (4) Agaknya Amin terlupa.
- (5) Kelihatannya wanita itu sudah hamil.

Pada tempat yang sesuai, akan dirujuk sifat subjek yang lima di atas itu

untuk menguji status frasa nama dalam ayat (1) hingga (5).

Sekarang lihat kembali ayat (1):

(1) Sudah ada seekor ular di dalam lubang itu.

Dalam ayat ini, hanya ada satu calon frasa nama sahaja yang layak menjadi frasa nama subjek, iaitu seekor ular. Konstituen lain bukan frasa nama; oleh itu tidak layak berfungsi sebagai subjek, misalnya sudah (aspek ada (kata kerja), di dalam lubang itu (frasa kata depan). Sebelum membuat keputusan, perlu diuji ciri subjek yang lima di atas:

Ternyata frasa nama seekor ular tidak boleh ditanyai kerana frasa itu tidak boleh hadir bersama partikel kah:

(17) \*Seekor ularkah sudah ada di dalam lubang itu tadi?

(Logik bagi penaakulan ini ialah, X + kah pada posisi subjek bukannya frasa nama subjek kerana melaluinya akan melahirkan ayat yang tidak gramatis. Oleh sebab dalam (17) seekor ularkah berbentuk X + kah dalam posisi subjek dan menyebabkan (17) tidak gramatis, maka seekor ularkah bukan frasa nama subjek).

Frasa nama seekor ular tidak pula boleh hadir bersama-sama partikel lah:

(18) \*Seekor ularlah sudah ada di dalam lubang itu tadi.

Seekor ular tidak boleh diikuti oleh partikel pun:

(19) ?\*Seekor ular pun sudah ada di dalam lubang itu tadi.

[Julat penerimaan ayat (19) adalah daripada tidak pasti kegramatisannya hinggalah kepada tidak gramatis].

Frasa nama seekor ular tidak pula dapat direlatifkan:

(20) \*Seekor ular (yang sudah ada di dalam lubang itu) tadi ialah ular sawa.

Oleh sebab semua rentetan (17–20) melahirkan ayat yang tidak gramatis, didorong pula untuk membuat keputusan bahawa seekor ular dalam ayat (1) bukannya frasa nama subjek kerana tidak memenuhi kehendak ciri kelima-lima frasa nama subjek. Sebaliknya, cuba bandingkan ayat (17–20) tersebut dengan ayat (21a-b):

(21) (a) Seekor ularkah (yang sudah ada di dalam lubang itu)?

(b) Seekor ularlah (yang sudah ada di dalam lubang itu).

Ayat (21a-b) gramatis kerana seekor ular bukannya frasa nama subjek, akan tetapi sebagai frasa nama dalam frasa predikat; yakni ayat (21a-b) telah diterbitkan dengan cara menumpukan

konstituen seekor ularkah (21a) dan seekor ularlah dalam (21b) ke hadapan ayat daripada rentetan berikut:


- (21) (a) (seekor ularkah?) Yang sudah ada di dalam lubang itu.  
 (b) (seekor ularlah) Yang sudah ada di dalam lubang itu.

Bagi kes (19–20), ayat tersebut tidak dapat diterbitkan dengan menyisipkan “yang”.

Bagaimana pula halnya dengan ayat (22a) yang meletakkan konstituen seekor ular pada posisi subjek? Tidakkah seekor ular dapat hadir seperti dalam (22b) yang memenuhi ciri pertama frasa nama subjek?

- (22) (a) ?Seekor ular sudah ada di dalam lubang itu.

\*(b)



\* Rajah pohon yang melahirkan rentetan yang tak gramatis sebab posisi seekor ular bercanggah dengan subkategorisasi dan grid tema kata kerja ada seperti dalam (22c).

\*(c) subkategorisasi:

- (i) ada, [ N ]  
 (Yakni, ada hanya memerlukan satu argumen dalaman selepas kata kerja).
- (ii) grid tema  
 [ada, K, (tema, lokasi)]  
 FN FKD

(Yakni, frasa nama yang mengikuti kata kerja ada berfungsi/berperanan sebagai tema dan boleh diikuti oleh frasa kata depan).

Mengikut kriteria atau ciri-ciri frasa nama subjek dalam ciri kedua hingga kelima di atas, seekor ular dalam (22) tidak bertaraf frasa nama

subjek kerana masih dalam [-DEF], yakni tidak pasti/tentu padahal secara hakiki satu frasa nama subjek mestilah satu frasa nama yang pasti (diketahui tentu) informasinya. Di samping itu, ini tidak boleh diikuti oleh kah dan lah seperti (17–18). Selain itu, ada ialah satu kata kerjaan yang hanya memerlukan argumen dalaman iaitu memerlukan satu frasa nama sebagai objek dan tidak memerlukan satu argumen luaran sebagai frasa nama subjek.

Dalam leksikon, entri (masukan) bagi kata kerjaan ada ialah kerangka subkategorisasi dan grid tema yang menyatakan frasa nama pada posisi predikat seperti (22c). Oleh sebab rajah pohon (22b) meletakkan seekor ular sebagai argumen luar maka ia bercanggah dengan subkategorisasi dan grid tema bagi kata kerja ada. Dengan demikian rajah pohon (22b) bukan rajah yang sesuai bagi (22a). Jadi bagaimana dengan ayat (22a) itu? Anggapan ayat (22a) dianggap tergolong ke dalam ayat yang tidak gramatis dalam bahasa Melayu yang rasmi. (Dalam penggunaan bahasa basahan (22a) mungkin ada digunakan). Ayat bahasa Melayu yang sesuai bagi (22a) ialah ayat (1) yang hanya terdiri daripada predikat, dan rajah pohonnya ialah (1').

Bukti ayat klasik bahasa Melayu dapat menyokong dengan kuat anggapan tersebut. Yakni, gula, ubi dan udang berperanan sebagai argumen dalaman (argumen di predikat) sahaja. Ayat (a) gramatis, manakala ayat (b) tidak dalam (23) hingga (25);


- (23) (a) Ada gula, adalah semut.  
 (b) \*Gula ada, semut adalah? Gula ada, semut ada.
- (24) (a) Ada ubi, ada batas.  
 (b) \*Ubi ada, batas ada.
- (25) (a) Ada udang di sebalik batu  
 (b) \*Udang ada di sebalik batu.

Ketidakgramatisan ayat (b), dan kegramatisan ayat (a) mendorong pembaca lebih yakin bahawa sesuatu frasa nama yang tidak pasti tidak dapat berfungsi sebagai frasa nama subjek dalam bahasa Melayu. Sebaliknya, ayat (26) berikut gramatis kerana frasa nama subjeknya ialah informasi yang pasti kerana diikuti oleh kata penunjuk itu.

- (26) Udang itu ada di sebalik batu.  
 [+DEF]

Daripada analisis di atas, ternyata tiada frasa nama lain dalam (1) yang

layak menjadi calon frasa nama subjek. Oleh sebab subjek mestilah satu frasa nama dan ayat perlu selaras pula dengan sifat bahasa sejagat yang dinamai Prinsip Predikasi/Prinsip Projeksi Tambahan (Chomsky, 1982), (yakni ayat mestilah bersubjek), maka dianggap frasa nama subjek ayat (1) ialah pro; iaitu satu kategori kosong. Pro tidak diberi apa-apa bentuk leksikal dalam struktur-S dan tidak ada manifestasi fonetik. Fungsinya hanya menjadi penanda slot frasa nama subjek atau subeje logik dalam struktur-D. Dengan cara ini rajah pohon bagi (1) adalah seperti pada (1') yang diulang di sini dengan entri leksikon bagi verbal ada:



Ertinya, ada ialah kata kerjaan (k) yang hadir pada slot yang diikuti frasa nama. Frasa nama yang mengikuti k (kerjaan) berperanan sebagai tema. Ini boleh diikuti oleh adjung – lokasi).

Sekarang lihat pula kedudukan ayat (2) yang dinamai ayat cuaca yang dicatatkan semula di sini:


(2) Sedang hujan lebat sekarang.

Oleh sebab sesuatu subjek itu mestilah satu konstituen frasa nama, dan dalam ayat (2) itu tidak ada frasa nama, maka tidak ada konstituen dalam ayat (2) itu yang layak menjadi calon sebagai frasa nama subjek.

Dalam ayat tersebut, perkataan “hujan” ialah satu kata kerjaan kerana berfungsi sebagai kata kerja; yakni sepertimana kata kerja yang lain dalam

bahasa Melayu, hujan di situ hadir dalam paradigma selepas kata aspek seperti sedang, tengah, masih, akan, seperti dalam masih tidur, akan datang, dan lain-lain. Jadi kelas kata perkataan hujan dalam (2) adalah seperti kelas kata bagi tidur dan datang.

Mungkinkah kata tersebut bersubjek frasa nama kosong sehingga dapat diandaikan adanya struktur seperti (27) dalam bahasa Melayu:




Hal ini dianggap demikian kerana di sini pro tidak perlu diberi apa-apa leksikal dan kehadirannya pula memang perlu untuk memenuhi kehendak Prinsip Predikasi; (yakni setiap ayat hendaklah mempunyai frasa nama subjek). Fitur bagi pro ini ialah [+pronomina, - anafora]. Maksudnya, pro ialah satu pronomina (ganti nama) menggantikan konsep seperti cuaca, suasana, keadaan dan lain-lain, dan bukannya anafora kerana tidak merujuk kepada satu frasa nama yang telah disebut sebelumnya. Dengan demikian yang utama dalam ayat (2) ialah frasa predikatnya.

Sekarang, teliti pula ayat (3) yang dicatatkan semula di sini untuk memudahkan rujukan.

(3) Memang benar bahawa Ali itu kaya.

Oleh sebab subjek ialah frasa nama, maka yang layak dipertimbangkan sebagai frasa nama subjek ialah rangkai kata atau konstituen “bahawa Ali itu kaya”. Jika konstituen “bahawa Ali itu kaya” dianggap sebagai subjek ayat utama, maka struktur bagi ayat (2) itu ialah seperti dalam (28):





(28)


Andaian yang menerima konstituen bahawa Ali itu kaya sebagai frasa nama subjek terpaksa ditolak kerana apabila diuji oleh ciri frasa nama subjek yang di atas tadi dalam bahasa Melayu, yang terhasil ialah rentetan yang tidak gramatis:

- (29) (a) \*Ali itu kayakah memang benar?  
 (b) \*Ali itu kayalah memang benar.  
 (c) ?\*Ali itu kaya pun memang benar.  
 (d) {kah}  
 \*Bahawa Ali itu kaya {lah} memang benar  
 {pun}

Pada (29a) menunjukkan Ali itu kaya tidak boleh ditanyai, (29b) pula menunjukkan Ali itu kaya tidak boleh diberi penekanan lah, dan (29c) menunjukkan Ali itu kaya tidak boleh diikuti pun. Ayat (29d) yang mengandungi bahawa juga tidak gramatis apabila diikuti kah, lah dan pun.

Berdasarkan pemerhatian ini, maka yang dapat diterima sebagai struktur ayat (2) itu ialah (3') yang dicatatkan semula dengan permudahan seperti pada (30):

(30)



Yakni, konstituen Ali itu kaya ialah komplemen komplimentizer bahawa.

Dalam (30), *pro* tidak diberi apa-apa leksikal dan tidak mendapat sebutan fonetik pada struktur-S. Kehadirannya memenuhi kehendak Prinsip Predikasi sejagat pada struktur-D.

Struktur (30) mendorong pembaca beranggapan bahawa dalam bahasa Melayu yang murni yang bukan bersifat keinggerisan tidak ada komplemen frasa nama yang berfungsi sebagai subjek. Sebaliknya, keseluruhan ayat (4) ialah predikat semata-mata.


Sekarang lihat pula ayat (4) yang dicatatkan semula di sini:

(4) Agaknya Amin terlupa.

Hanya ada satu konstituen yang berfungsi sebagai frasa nama dalam ayat itu, yakni Amin. Oleh itu pembaca berkecenderungan mengatakan bahawa frasa nama subjeknya ialah Amin; dan ayat (4) itu terbit daripada (31):

(31) Amin agaknya terlupa.

Disarankan agar ditolak analisis ini. Sebaliknya, diterima struktur dalam



Rajah (4') menunjukkan konstituen agaknya sebagai kata kerjaan (verbal), manakala Amin terlupa sebagai komplemen objek tanpa komplimentizer bahawa. Slot frasa nama subjek diisi oleh *pro* yang tidak ada apa-apa leksikal dan tidak ada manifestasi fonetik. I ialah slot kata bantu seperti aspek. Oleh sebab kata kerja agaknya tidak berkala, maka slot bagi I ialah; oleh itu keseluruhan agaknya Amin terlupa ialah konstituen predikat semata-mata.

Ayat (31) terbit daripada (4') melalui pindah (kenaikan subjek) seperti (31').

(31') Amin *pro* agaknya tidak terlupa.

t ialah tikas; *pro* dan tidak ada sebutan fonetik dan lahiriah (31).

Hujah yang menyokong anggapan ini ialah sifat semantik pada perkataan agaknya. Perkataan ini terdiri daripada agak + nya dan mempunyai fitur semantik (+ orang pertama, + tunggal) sehingga parafrasa ayat (4) itu ialah (32a) dan bukan (32b-c).

- (32) (a) Saya agak Amin terlupa.  
 (b) \*Dia agak Amin terlupa.  
 [bukan maksud ayat (4)].  
 (c) \*Mereka agak Amin terlupa.  
 [bukan maksud ayat (4)].

Partikel -nya bersifat penegas, dan bukannya promina orang ketiga. Oleh yang demikian perkataan agaknya ialah kata kerja yang membawa

maksud “saya agak”. Dengan demikian, anggaplah ayat (4) itu mempunyai dua kata kerja, yakni agaknya dan terlupa. Jika ini benar, maka ayat (4) itu bukanlah ayat tunggal; bahkan ayat kompleks berkomplemen objek. Dalam ayat tersebut perkataan agaknya ialah kata kerja dalam ayat utama yang tidak bersubjek, manakala Amin terlupa ialah komplemen objek seperti pada (4’) di atas. Dalam leksikon, kata kerja agaknya mempunyai subkategorisasi (agaknya, +k, —KP) dan grid tema [agaknya, +k, (tema)]. Yakni, agaknya ialah kata kerja yang mempunyai FN komplemen (KP) frasa nama yang mengikutinya, dan frasa nama itu berperanan sebagai tema.

Ayat lain yang tergolong ke dalam kelas ini termasuklah ayat yang di dalamnya terdapat perkataan seperti kelihatannya, nampaknya, rupanya, ternyata, jelas seperti yang berikut:

- (33) (a) Nampaknya (sudah hujan di sana).  
 (b) Rupanya (Iman sudah bertunang).  
 (c) ?Kelihatannya (kambing itu hendak beranak).  
 (d) Ternyata (penyu itu lapar).  
 (e) Sangat jelas (bunga itu sudah layu).

Dalam ayat (33a-e) tersebut, seperti halnya dengan ayat yang di dalamnya terdapat perkataan agaknya, perkataan nampaknya, rupanya, kelihatannya, ternyata dan jelas mempunyai sifat kata kerja yang frasa nama subjeknya ialah pro; akan tetapi tidak mempunyai sebutan fonetik di struktur-S. Bahagian yang berkurung [ ] dalam ayat (33) ialah komplemen objek atau tema. Keseluruhan konstituen dalam (33a-c), setiap satunya, ialah frasa predikat semata-mata.

Hal ini demikian kerana parafrasa bagi ayat (33a-e) ialah (34a’-e’):

- (34) (a’) Saya nampak sudah hujan di sana.  
           dapati  
 (b) Saya tahu Iman sudah bertunang.  
           dapati  
 (c) Saya fikir kambing itu hendak beranak.  
           jangka  
 (d) Saya pasti penyu itu lapar.  
 (e) Saya tidak waswas bunga itu sudah layu.

Oleh sebab ada parafrasa seperti dalam (34), maka seperti juga ayat agaknya Amin terlupa, ayat dalam (33a-e) dianggap sebagai ayat kompleks yang berkomplemen objek, manakala ayat utamanya mempunyai pro yang

tidak mempunyai sebutan fonetik pada struktur-S sebagai subjeknya.

Anggapan ini juga sesuai bagi ayat (5), yang strukturnya dalam (5').

(1) Kelihatannya wanita itu sedang hamil.

(5') I'' [Kelihatannya (wanita itu sedang hamil)].

Bagi ayat (1) hingga (5), tidak ada frasa nama (N') yang layak menjadi N' subjek sehingga perlu diutarakan pro (promina) sebagai suatu kategori kosong. Dengan cara ini setiap ayat (1) hingga (5) sebenarnya tidak melanggar Prinsip Predikasi sejagat yang menghendaki supaya pada struktur-D semua ayat mempunyai frasa nama subjek. Yang perlu ditegaskan ialah frasa nama subjek bagi ayat itu ialah pro.

Tentang kategori kosong ini, sebenarnya ada empat pilihan, iaitu t (tikas) bagi sesuatu frasa nama yang sudah diubah kedudukannya seperti (35);

(35) Amin dipatuk t ular.



Atau pro besar yang hadir pada rumpang atau slot frasa nama subjek (ayat pancangan) yang tidak perlu disebut kerana sudah difahami sememangnya ada frasa nama subjek di situ seperti (36);

(36) Amin bercadang [pro besar pergi ke market].

Atau pemboleh ubah dan t=tikas yang ditinggalkan oleh Eh (kata tanya seperti siapa, apa dan lain-lain.) yang sudah diubah kedudukannya seperti (37);

(37) Siapa [yang nampak Ali t]



Dan pro (pro kecil sebagai singkatan daripada pronomina) untuk menandai sesuatu subjek yang 'hilang' dalam bahasa yang frasa nama subjek tidak perlu disebut kerana maksud frasa nama subjek dapat ditelaah daripada infleksi kata kerja, misalnya dalam bahasa Rusia dan Arab:

### Rusia

(38) —idyot; —idyoci; —idyesh  
dia pergi; mereka pergi; awak pergi.

(Yakni -ot = fis; -oci = mereka; -esh + awak)

**Arab**

- (39) -adhabu...;                      -tadhabu;                      -yadhabu  
saya pergi;                      awak pergi                      dia (lelaki) pergi  
 (Yakni ad- = saya; tad- = awak; yad- = dia (lelaki))

Antara empat kategori kosong (iaitu t=tikas, probesar = subjek demi ayat pancangan yang berkoreferen dengan satu frasa nama ayat utama), t-tikas bagi kata Wh dan pemboleh ubah, dan pro-pronomina atau ganti nama bagi subjek yang hilang, ternyata pro (pro kecil) yang sesuai bagi ayat (1) – (5). Hal ini demikian kerana bagi ayat (2), (4) dan (5) memang agak terbayang bahawa pro menggantikan sesuatu: (ayat (2), (4) dan (5) diulang di sini) dengan maksudnya sekali serta pro sebagai subjek:

- (2)                      pro sedang hujan lebat sekarang.

cuaca
keadaan
suasana

- (4)                      pro agaknya Amin terlupa.

Saya
Kami
Kita

[ agak ] ...

- (3)                      pro kelihatannya wanita itu sudah hamil.

Saya
Kami
Kita

[lihat]...

Daripada ayat (2), (4) dan (5), dapat dikatakan seolah-olah bahasa Melayu tergolong ke dalam bahasa pro-drop atau bahasa yang membenarkan subjek yang hilang. Walau bagaimanapun, subjek yang hilang di sini bukanlah seperti dalam kes ayat (38) dan (39) dalam bahasa Rusia dan Arab.

Bagi ayat (1) Sudah ada seekor ular di dalam lubang itu, terbayang dalam minda bahawa ayat (1) itu ialah ujaran orang pertama (tunggal/jamak). Daripada aspek itu maka pro (promina) dapat menduduki slot subjek pada struktur-D.

Tentang ayat (3), kemungkinannya ialah ayat itu ujaran yang membawa proposisi yang lebih kurang berbunyi, ... ada orang bernama Ali; saya/kami/kita pasti Ali kaya. Dengan itu seperti pada (1), ternyata ayat (3) ialah seolah-olah suatu ujaran orang pertama (tunggal/jamak). Daripada aspek tersebut, pro dapat menduduki slot subjek di situ pada struktur-D.

Ternyata ayat bahasa Melayu (1) hingga (5) hanya terdiri daripada komponen frasa predikat pada struktur-S, manakala pada struktur-D ayat tersebut mempunyai subjek logik (subjek nahuan) yang diberi label pro. Maksudnya ayat tersebut masih akur kepada prinsip predikasi sejagat yang memerlukan semua ayat mestilah bersubjek.

Bandingkan ayat (1) hingga (5) dengan ayat bahasa Inggeris berikut:

- (40) *There was a snake in the hole.*
- (41) *It is raining heavily now.*
- (42) *It is true that Ali is rich.*
- (43) *It may be the case that Amin forgets.*  
(? *May be Amin forgets*).
- (44) *It {looks} that the lady is pregnant.*  
*{seems}.*

Daripada (40–44) ternyata bahasa Inggeris telah memilih kata “pleonastic” (elemen yang tidak menyumbang makna ayat) *there* dan *it* (ekspletif, bukan pronomina dan tanpa rujukan) dalam slot subjek dalam struktur-S dan struktur-D. “... this element functions simply as an empty pronominal, not a pronominal anaphor; ...” (Chomsky, 1982, 79). Elemen seperti ini sebenarnya tidak berperanan tema dan tidak ditandai –  $\emptyset$  oleh kata kerja. Fungsinya hanya menyempurnakan struktur ayat secara nahuan; iaitu melengkapi kehendak Prinsip Predikasi yang menghendaki semua ayat bersubjek. Dengan itu bezanya antara bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu ialah bahasa Inggeris mengisi slot subjek dengan elemen “pleonastic” yang maknanya kosong seperti *there* dan *it*, manakala dalam bahasa Melayu slot tersebut tidak ada sebutan fonetik langsung pada struktur-S.

Soalnya ialah sama ada agak ganjil atau tidak apabila dikatakan bahawa sesuatu ayat bahasa Melayu tidak bersubjek. Sebenarnya tidak begitu. Telah diperlihatkan oleh Hirobumi (1992, 139) bahawa dalam ayat bahasa Melayu klasik, “... satuan sintaksis yang membentuk inti ayat bahasa Melayu ialah predikat, manakala subjek tidak merupakan unsur utama wajib secara nahuan.” Sehubungan dengan ini dalam ayat (1) hingga (5), dan ayat (33a-e) tidak ada sebutan fonetik langsung pada struktur-S kerana subjek tidak

merupakan unsur utama.

Dalam *Tatabahasa Dewan Jilid I*, Nik Safiah *et al.*, (edisi kedua, 1990, 44) dinyatakan bahawa pola ayat dasar bahasa Melayu terdiri daripada yang berikut; (semuanya daripada Nik Safiah, *ibid*).

- |      |     |                |                  |                  |
|------|-----|----------------|------------------|------------------|
| (45) | (a) | Frasa Nama     | -                | Frasa Nama       |
|      |     | <u>Contoh:</u> | Ahmad guru       |                  |
|      | (b) | Frasa Nama     | -                | Frasa Kerja      |
|      |     | <u>Contoh:</u> | Bapa berehat     |                  |
|      | (c) | Frasa Nama     | -                | Frasa Adjektif   |
|      |     | <u>Contoh:</u> | Anak sihat       |                  |
|      | (d) | Frasa Nama     | -                | Frasa Sendi Nama |
|      |     | <u>Contoh:</u> | Pejabat di atas. |                  |

Ternyata pola dan ayat (45) ialah pola dangkal kerana ayat contoh dalam (45a-d) lahir daripada ayat yang berikut:

- (46) (a') Ahmad ialah guru.
- (b') Bapa berehat.
- (c') Anak sihat.
- (d') Pejabat ada di atas.

Pola bagi ayat (46a-d) ini ialah (46a'-d').

- |       |      |            |   |                |
|-------|------|------------|---|----------------|
| (46a) | (a') | Frasa Nama | - | Frasa Kerja    |
|       | (b)  | Frasa Nama | - | Frasa Kerja    |
|       | (c)  | Frasa Nama | - | Frasa Adjektif |
|       | (d)  | Frasa Nama | - | Frasa Kerja    |

Kecuali (46c'), yang berupa Frasa Nama – Frasa Adjektif, yang lain berpola Frasa Nama – Frasa Kerja. Dengan demikian (46a'-d') dapat diringkaskan kepada yang berikut:

- |      |     |                            |
|------|-----|----------------------------|
| (47) | (a) | <sub>A</sub> [FN - Fkerja] |
|      | (b) | <sub>A</sub> [FN - FADJ]   |

Yakni bagi keempat-empat pola dalam *Tatabahasa Dewan*, hanya ada dua sahaja pola dasar seperti dalam (47) di atas. Perkara ini tidak bercanggah dengan *Tatabahasa Dewan* kerana yang disebutkan ialah dua perkara yang berlainan. Yakni, *Tatabahasa Dewan* mencatatkan empat Pola Dangkal, dengan menyatakan struktur yang lebih dalam. Cuma bezanya ialah, bagi *Tatabahasa Dewan* empat pola contoh dalam (45a-d) dilahirkan daripada empat pola yang berlainan, manakala dapatan ini melahirkan daripada dua



pola sahaja, yakni melalui proses pengguguran. Pengguguran morfem ialah dalam kes (a), pengguguran kata kerja ada dalam kes (d).

Pendekatan ini lebih ringkas dan mudah, satu ciri yang dituntut oleh tatabahasa supaya bahasa dapat diperoleh dengan cepat dan mudah dan sesuai dengan anggapan pemerolehan bahasa secara semula jadi, (Chomsky (1982, 17): "... we want the choice of values for parameters to be as limited as possible so as to maximize the explanatory power of linguistic theory and to account for the possibility of acquiring knowledge of grammar ("language learning").

Beralih kepada (45a-d) di atas, ternyata pola ayat tersebut ialah pola dangkal. Sehubungan dengan ini dalam makalah ini telah dianalisis serta diperlihatkan bahawa, daripada pendekatan pola yang dangkal, ayat (1-5) tidak bersubjek, yakni subjek nahuana pro dalam struktur-D telah ditunjukkan bahawa tidak mendapat sebutan fonetik pada struktur-S. Dengan yang demikian, untuk mengambil kira kes ayat (1-5), perlu ditambah satu lagi pola ayat dasar kepada empat pola dangkal ayat dasar dalam *Tatabahasa Dewan*, iaitu pola yang mengandungi frasa predikat sahaja kerana ayat (1-5) hanya mempunyai predikat pada struktur-S. Kelima-lima pola dangkal itu ialah:

- |      |     |    |   |      |
|------|-----|----|---|------|
| (47) | (a) | FN | - | FN   |
|      | (b) | FN | - | FKJ  |
|      | (c) | FN | - | FKD  |
|      | (d) | FN | - | FADJ |
|      | (e) | FN | - | FKJ  |

Dengan tambahan [FKJ] ini, maka dirasai, pendidikan bahasa Melayu di institusi pendidikan perlu memasukkannya ke dalam rancangan pengajaran. Jika tidak pelajar akan sentiasa percaya kepada kepercayaan palsu bahawa semua ayat bahasa Melayu yang dangkal mestilah bersubjek dan lebih serius daripada itu, mereka terus akan tidak tahu bahawa ayat (1-5) sebenar-benarnya tidak bersubjek pada struktur-S.

Ditegaskan sekali lagi bagi ayat (1) - (5) dan ayat (33a-e), frasa nama subjek nahuannya pada struktur-D ialah pro. Walau bagaimanapun pada struktur-S, pro ini tidak ada sebutan fonetik. Dengan yang demikian, pada struktur-S, ayat (1) - (5) dan (33a-e) hanya mempunyai struktur predikat sahaja. Sudut ini tidak selaras dengan Za'ba (1959) dan lain-lain yang disebut pada awal makalah ini. Untuk memudahkan rujukan, ayat tersebut diulang di sini.

- (1) Sudah ada seekor ular di dalam lubang itu.
  - (2) Sedang hujan lebat sekarang.
  - (3) Memang benar bahawa Ali itu kaya.
  - (4) Agaknya Amin terlupa.
  - (5) Kelihatannya wanita itu sudah hamil.
- 
- (33) (a) Nampaknya sudah hujan di sana
  - (b) Rupanya Iman sudah bertunang.
  - (c) Kelihatannya kambing itu hendak beranak.
  - (d) Ternyata penyu itu lapar.
  - (e) Sangat jelas bunga itu sudah layu.

## RUJUKAN

- Alisjahbana S. Takdir, 1964. *Tatabahasa Baru Melayu Indonesia (Jilid I)*. Kuala Lumpur: Zaman Baru Ltd.
- Asmah Hj. Omar dan Rama Subbiah, 1968. *An Introduction to Malay Grammar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar dan Rama Subbiah, 1965. *Aspects of the Theory of Syntax*. Cambridge, Mass., The M.I.T. Press.
- Asraf, 1990. *Petunjuk Bahasa Melayu Baku KBSM*. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Chomsky, N., 1976. *Reflections on Language*. Pantheon Books.
- Chomsky, 1982. *Some Concepts and Consequences of the Theory of Government Binding*. Cambridge, Mass. The M.I.T. Press.
- Haegman, L., 1991. *Introduction to Government Binding Theory*. Basil Blackwell.
- Hirobumi, Sato, 1992, "Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik", Tesis Ph.D., Universiti, Malaya.
- Mashudi Kader, 1981. *The Syntax of Malay Interrogatives*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, et al., 1986. *Tatabahasa Dewan*, Jilid I. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, et al., 1988. *Ayat dalam Bahasa Malaysia: Satu Rumusan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Payne, E.M. F., 1970. *Basic Syntactic Structures in Standard Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sanat Md. Nasir, 1985. *Ayat Komplemen Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba, 1959. *Pelita Bahasa Melayu, Penggal II*. London: Macmillan and Co. Limited.